

IKLAN JAWATAN KOSONG PENOLONG AKAUNTAN

Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI) dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang yang diperlukan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

Jawatan : Penolong Akauntan

Gred : W27

Kumpulan : Sokongan

Taraf Jawatan : Sementara selama setahun (*boleh dipendekkan atau dilanjutkan berdasarkan prestasi semasa kakitangan*)

Gaji Permulaan : P1T1 (RM1,209.09)

Imbuhan tetap : Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) RM 180.00

Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM 300.00

***** Pemberian imbuhan ITKA, ITP & COLA akan diberikan selepas tempoh pemerhatian selama 3 bulan dan bergantung kepada prestasi kerja kakitangan.**

Kemudahan

- Rawatan Perubatan hanya diberi untuk diri sendiri
- Cuti Rehat – 15 hari setahun. Cuti yang tidak diambil akan luput apabila tempoh lantikan tamat
- Tiada bayaran gratuiti

******(Tidak layak mendapat cuti selain daripada cuti rehat dan cuti sakit)***

Syarat Lantikan & Kelayakan

- (i) Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (ii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T5 RM1475.29); **ATAU**
- (iii) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau

kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T8 RM1674.94); **DAN**

- (iv) **lulus** Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab ke atas tugas-tugas kewangan sepenuh masa dengan membantu pihak pengurusan/penyelia dalam urusan-urusan seperti berikut:

- (a) Menyedia dan mengemaskinikan peruntukan/belanjawan tahunan.
- (b) Membantu mengurus dan mengawal penggunaan peruntukan mengikut peraturan
- (c) Menyelenggara rekod aset dan inventori
- (d) Mengurus, menyelenggara, memantau panjar wang runcit dan buku vot
- (e) Menyediakan laporan perbelanjaan tahunan dan laporan berkaitan kewangan
- (f) Merekod dan mengemaskini fail-fail kewangan
- (g) Bertanggungjawab terhadap lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

Cara Memohon

Bagi calon-calon warganegara Malaysia yang berminat untuk jawatan di atas, sila lengkapkan borang permohonan yang disertakan. Borang permohonan yang lengkap diisi perlu dikemukakan bersama dengan 1 salinan Kad Pengenalan, 1 salinan Sijil Kelahiran, salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berserta **resume lengkap dengan menyatakan 2 atau 3 orang referee** di dalam resume tersebut.

Borang permohonan dan kesemua dokumen tersebut perlu dihantar melalui e-mel kepada farlizaz@ppukm.ukm.my atau **secara pos** ke alamat berikut:

Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI)
Tingkat 7, Blok Klinikal,
Pusat Perubatan UKM,
Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pn. Farliza Zakaria di talian 03-9171 8461 ext 103.**

Tarikh tutup permohonan : 11 Mei 2012 (Jumaat)

